

Naskah Percuma

فریادنن کما جوان اقتصاد نکری کلتن



IKTISAD

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
P E N G G E R A K P E M B A N G U N A N U M M A H

KELANTAN-SELANGOR LAKSANA 7
USAHASAMA EKONOMI
MS 8

RUMAH MAMPU MILIK HADIAH
UNTUK RAKYAT
MS 9

USAHAWAN - PIZZA NURNIS TEMBUSI
PASARAN PANTAI TIMUR
MS 12

**INDUSTRI BATU
MARMAR
JANA HASIL BARU**



- | | | | |
|-----------|---|-----------|---|
| 3 | Kalam Editor | 24 | PKINK Tampil Semangat Juang Tinggi Dalam Sukan Gemaputera 2014 |
| 4 | Industri Batu Marmar Jana Hasil Baru | 25 | Penang International Halal Expo and Conference |
| 8 | Batu Marmar di Gua Musang Berkualiti Tinggi | 26 | 11th Malaysian International Halal Showcase (Mihias 2014) |
| 10 | Kelantan-Selangor Laksana 7 Usahasama Ekonomi | 27 | PKINK Anjur Seminar Halal Negeri Kelantan 2014 |
| 11 | Rumah Mampu Milik Hadiah Untuk Rakyat | 28 | Kursus Pengucapan Awam Platform Melahirkan Pegawai Yang Efisien |
| 12 | Kelantan Tarik Pelaburan RM9.74 Billion | 29 | Kursus Induksi Pencetus Semangat Anggota Baru |
| 13 | Kelantan Menggalakkan Pembangunan Mampan Dalam Industri Perumahan | 30 | Batasan Wanita Keluar Bekerja |
| 14 | Pizza Nurnis Tembusi Pasaran Pantai Timur | 32 | Hukum Mengutip Barang Keciciran |
| 16 | Sana Sini PKINK | | |
| 20 | Panduan Peniaga Muslim Yang Berjaya | | |
| 23 | Pekerja Cemerlang, Pesara & Khidmat Lama Dirai Dalam Satu Majlis | | |

HASIL PERLOMBONGAN DAN MOU DENGAN NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum dan salam Serambi Mekah.

Alhamdulillah dan syukur atas segala nikmat anugerah ilahi yang membolehkan Kelantan terus berkembang maju dalam ekonomi dan mendapat kerjasama dari negeri-negeri lain di Malaysia. Kelantan ternyata dianugerahi kekayaan pelbagai sumber galian. Emas, besi, batu marmar, barite, alluvial, feldspar, batu kapur (limestone) dan pelbagai jenis mineral yang kini dimanfaatkan kerajaan negeri bagi menjana hasil negeri.

Sebagai satu contoh, lombong emas di Tanah Merah sehingga sekarang telah berjaya menghasilkan lebih 300,000 gram emas. Jumlah tersebut belum dicampurkan bersama emas yang dilombong dari Kampung Pulai, Gua Musang dan tempat-tempat lain di Kelantan. Kerajaan negeri mendapat pulangan hasil melalui bayaran royalti sebanyak 5 peratus, manakala Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pula dibayar tribute (3 peratus) oleh syarikat yang diberi konsesi perlombongan.

Selain emas kerajaan negeri juga kini memfokuskan pemprosesan batu marmar. Gua Musang antara kawasan yang paling banyak ditemui batu marmar di Malaysia. Perlombongan batu marmar dijalankan di Gua Musang membabitkan kawasan seluas 65 ekar. Projek tersebut dibangunkan Kelstone Sdn Bhd, anak syarikat PKINK dengan kerjasama CEP Resources Entity Sdn Bhd sebuah syarikat berpangkalan di Singapura. Katanya, sejak beroperasi sehingga Febuari lepas sebanyak 647 blok seberat 8,276 metrik tan dihasilkan di lombong tersebut. Sebahagian daripada jumlah batu marmar itu dieksport ke China iaitu sebanyak 36 blok pada 2012 dan 48 blok tahun lepas. Syarikat perlombongan cuba meminimumkan penggunaan bahan letupan bagi mengelakkan kerosakan marmar yang dihasilkan.

Selain perlombongan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan (REHDA) negeri Kelantan turut membantu kerajaan negeri melaksanakan pembangunan perumahan berkonsepkan teknologi hijau termasuk persekitaran yang sesuai didiami. Projek pembangunan berkonsep kehijauan yang julung kali dibangunkan di Kelantan dapat menggalakkan pembangunan persekitaran yang lebih mampan dan sesuai didiami. Dengan adanya standard penarafan hijau dalam industri pembinaan dapat membantu dari peringkat awal supaya rekabentuk hartanah dan penggunaan teknologi baharu dapat diterap bagi pembinaan bangunan cekap tenaga dan mesra alam.

Baru-baru ini juga Kelantan dan Selangor menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi melaksanakan tujuh projek usahasama ekonomi kedua-dua negeri. Kerjasama itu nanti bakal membuka peluang untuk kedua-dua negeri membangunkan ekonomi masing-masing menerusi perkongsian pengalaman yang dimiliki untuk kepentingan rakyat.

Daripada tujuh projek yang dirangka, tiga bakal dilaksanakan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) iaitu mengembangkan sistem gadaian Islam Ar-Rahn di Selangor, pembangunan wifi dan jalur lebar dan mewujudkan pusat pengumpulan produk makanan halal keluaran usahawan Kelantan dan Selangor. Manakala, empat lagi projek di kendalikan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) membabitkan Pendidikan Islam, pembangunan Hub Halal Antarbangsa Selangor di Machang, pembangunan sumber air dan sistem HORAS.

Semoga dengan perkembangan ini akan membantu menambahkan kemakmuran ekonomi negeri Kelantan. Sekian, wassalam.

Dr Hj Wan Zawawi bin Hj Wan Ismail

Timbalan Ketua Eksekutif

Hal Ehwal Korporat PKINK

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK

KETUA EDITOR

Dr. Hj. Wan Zawawi b Wan Ismail

Timbalan Ketua Eksekutif

Hal Ehwal Korporat

PENOLONG EDITOR

Mohd Roslan Mohd Zain

Penolong Pengurus Pengurusan

Sumber Manusia

WARTAWAN

A Ubaidillah b. Alias

Tengku Petra b. Tengku Wook

Tuan Hissam b. Tuan Mamat

JURUGAMBAR

Tengku Petra b. Tengku Wook

Tuan Hissam b. Tuan Mamat

PENERBITAN

Unit Media & Komunikasi

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Perbadanan Kemajuan Iktisad

Negeri Kelantan

Tingkat 7-11, Bangunan PKINK

Jalan Tengku Maharani,

15710 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-7414141 Fax : 09-7414140

PERCETAKAN

Azkie Advertising & Printing

Lembah Sireh, Kota Bharu. Tel : 09-7477 800

INDUSTRI BATU MARMAR JANA

HASIL BARU



Oleh: M Faqih
Foto: Tuan Hissam Tuan Mamat

MENJEJAKI kaki ke Gua Musang tentunya membuatkan kita terpegun melihat bukit batu kapur dan gua yang terpacak di sana-sini. Pemandangannya begitu menakjubkan sekali.

Di sesetengah tempat seolah-olah menggambarkan kita seperti berada di lembangan yang dipagar dengan gua-gua dan bukit batu kapur. Malah ada gua yang digenangi air, membiakkan ikan pelbagai spesis.

Tentunya panorama seperti itu jarang dapat disaksikan di tempat-tempat lain. Namun tidak ramai mengetahui keindahan lestari semulajadi itu tersimpan khazanah yang bernilai tinggi.

Kekayaan sumber asli daripada batuan pelbagai jenis dan bentuk sebenarnya mampu menghasilkan pelbagai produk bagi menggerakkan industri pembinaan di negara kita.

Sedangkan sebelum ini Kelantan tidak disenaraikan sebagai pengeluar utama mineral di Malaysia, biar pun buminya mengandungi sumber asli bernilai tinggi. Selain petroleum yang menghasilkan minyak dan gas, Kelantan juga memiliki pelbagai jenis batuan berkualiti tinggi.

Batuan tersebut merupakan sebatian daripada satu atau pelbagai jenis mineral yang terbentuk secara semulajadi dalam kerak bumi. Ia membentuk batuan igneus, batuan sedimen dan batuan metamorf.

Batuan Igneus terbentuk hasil penyejukan magma yang menerobos naik ke permukaan bumi bagi membentuk struktur batuan. Batuan Sedimen pula hasil pemendapan bahan-bahan yang terangkut dan terlarut hasil proses hakisan dan luluhawa.

Manakala batuan metamorf terhasil daripada proses pemanasan dan pemampatan batuan igneus dan sedimen pada suhu serta tekanan tinggi yang berlaku pada jangka masa panjang. Proses yang berlaku itu mengubah komposisi, struktur, kekerasan dan warna batuan asal kepada batuan transformasi baru.





Begitu juga batu kapur di mana ia merupakan sejenis batuan metamorf yang terbentuk daripada batu-batu kapur. Ia lembut dan mudah dibentuk mempunyai pelbagai warna termasuk putih, hitam, merah dan kuning.

Sebelum ini batu kapur dan batu marmar mudah ditemui di Langkawi, Kedah dan Simpang Pulai, Perak. Sebaliknya Gua Musang tidak disenaraikan mungkin kerana tiada penerokaan secara serius.

Terdapat beberapa jenis marmar di seluruh dunia, di mana ia dibezakan dengan warna iaitu putih, ungu dan substrat batu gelap. Berbeza berbanding marmar tiruan yang menggabungkan debu marmar, simen dan damar.

Marmar asli yang terzhahir daripada warna batuan asal lebih asli dan tidak pudar ditelan zaman.

Batu marmar biasanya digunakan dalam aplikasi binaan ruang dapur, bilik mandi dan lantai jubin. Dinding pelapisan yang dibuat daripada marmar asli jauh lebih elegan dan mewah.

Kualiti dan kecantikan asli berpunca daripada asal usul batu marmar. Contoh batu marmar terbaik rupa-rupanya ada di Kelantan.



Bukit Batu Bong

Bukit Batu Bong, Mukim Ulu Nenggiri, Bertam, yang terletak kira-kira 2 km dari jalan Jeli-Gua Musang mengandungi batu marmar terbaik di Malaysia.

Bukit batu setinggi lebih 100 meter menjalar dari lembangan Sungai Nenggiri. Kelihatan dari jauh hanya seperti bukit batu kapur biasa, namun rupanya mengandungi batu marmar yang berusia ribuan tahun. Kini ia menjana hasil baru kepada Kelantan, selepas royalti minyak dinafikan sejak 2004.

Deretan bukit batu tersebut merangkumi kawasan seluas 65 ekar diusahakan CEP Resources Entity Sdn Bhd sebuah syarikat berpangkalan di Singapura. Projek itu merupakan usahasama dengan Kelstone Sdn Bhd.



Kerja-kerja perlombongan di kuari batu marmar tersebut dimulakan pada Jan 2011. kini menghasilkan blok-blok marmar. Setiap blok seberat sehingga 18 tan metrik. Syarikat tersebut juga berusaha menghasilkan marmar kecil dan nipis iaitu bersaiz satu kaki. Saiznya bergantung kepada permintaan pelanggan.

Marmar yang sudah dipolish bersaiz 1 kaki persegi harga di pasaran lebih RM20 sekeping, manakala blok mentah yang dijual pukal lebih RM5,000 sebungkah.

Penyelia kuari CEP Resources Entity, Pon Cha Nnanu, 53 berkata, Gua Musang kini menjadi lokasi baru pengeluaran batu marmar di Malaysia selepas Simpang Pulai di Perak dan Langkawi, Kedah.

Katanya, syarikat-syarikat batu marmar di Perak kini mendapatkan bekalan marmar mentah dari negara luar termasuk Vietnam, China, India, Iran, Myanmar dan Itali untuk diproses di kilang mereka.

"Batu marmar yang dihasilkan di Simpang Pulai sekarang hanya tinggal sekitar 10 peratus, dan selebihnya diimport dari luar negara.



"Gua Musang menjadi alternatif terbaik, lagi pun batu di sini lebih berkualiti kerana keras dan bermutu tinggi," katanya ketika ditemui krew IKTISAD di tapak kuari baru-baru ini.

Menaiki pacuan empat roda dari Kota Bharu ditemankan jurugambar PKINK, Tuan Hissam Tuan Mamat dan kakitangan Kelstone membuat kita teruja ketika melewati kawasan projek.

Sebelum sampai ke tapak kuari kami melalui jalan di celah-celah pokok getah milik penduduk tempatan. Biar pun jalan agak sempit, namun syarikat kuari mengurus dengan menambun batu bagi mengelakkan licin dan berselut pada musim hujan.

Di laluan itu juga ditemui papan kenyataan Jabatan Perhutanan Kelantan, yang memberi amaran supaya tidak berlaku pencerobohan Hutan Simpan Berangkat. Biar pun ada tanda amaran, namun masih lagi berlaku penerokaan hutan simpan.

Lebih malang lagi penerokaan haram itu menghampiri tapak kuari batu marmar di Bukit Batu Bong. Ada peneroka menanam pokok getah dan pisang sehingga dekat kawasan projek.

"Masalah tersebut menjadi hambatan utama kepada pelabur. Kerajaan negeri terpaksa menyelesaikan terlebih dahulu penerokaan haram.

"Tanaman yang ditanam di situ kelihatan baru diusahakan. Ada peneroka menuntut bayaran tinggi, sedangkan tanah yang diteroka mereka adalah kawasan hutan simpan," kata jurucakap Kelstone.

Difahamkan biar pun tanah tersebut digazet sebagai hutan simpan, namun ada penduduk menuntut pampasan tinggi daripada syarikat.

Kuari marmar

Kuari marmar di Bukit Batu Bong menggunakan teknologi dari China, malah seramai 30 tenaga pekerja mahir juga dibawa dari negara terbabit.

Selain itu terdapat 13 pekerja tempatan. Pekerja tempatan juga ada yang mahir mengendalikan jentera berat buatan China bagi menggerudi batu marmar di puncak bukit.

Pendakian ke puncak bukit menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Tinggi puncak begitu mendongak sekali. Namun ada pekerja yang sampai ke puncak dengan menaiki motosikal Honda EX5.

Sampai di puncak yang kini sudah diratakan seumpama kita berada padang bola berbatu. Rata dan luas, sungguh ajaib sekali. Menoleh ke kiri dan kanan membolehkan kita menyaksikan panorama di sekeliling yang mempersonakan. Kelihatan dari jauh rumah-rumah penduduk dan sekolah yang terletak di seberang Sungai Nenggiri.

Puncak bukit yang digerudi bagi menghasilkan blok marmar kini sebahagiannya sudah berubah. Bentuk asal bukit yang mendongak tinggi sudah tidak kelihatan lagi.

Jentera penggerudi dan mesin membelah batu ditempatkan di situ. Kaedah baru bagi menghasilkan bungkah empat segi menggunakan mata tali diikat belian kemudian ditarik mesin.

Tali ditarik perlahan-lahan serentak dengan pancutan air daripada paip yang disedut dari sungai.

Kaedah itu untuk mengelakkan bongkah marmar menjadi retak.

Jentera penggerudi membuat beberapa lubang untuk dimasukkan tali yang diikat mata belian sebelum pematongan dilakukan.

Mata mesin pembelah raksasa juga digunakan bagi membentuk bongkah empat segi. Kerja-kerja di puncak bukit kebanyakan dikendalikan pekerja warga China. Ada ketikanya mereka bekerja sehingga lewat malam dengan ditemani cahaya lampu limpah.

Pon Cha berkata, CEP Resources Entity juga sedang menyiapkan mesin kuari bagi memecahkan batu-batu marmar gred C untuk diproses menjadi produk hiliran.

Kuari bagi memecahkan batu marmar sedang dibina tidak jauh dari kilang memproses dan polish marmar. Selain itu sebuah kilang bagi menghasilkan debu daripada batu marmar akan dibina di kawasan perindustrian di Gua Musang. Kilang tersebut akan menghasilkan kalsium karbonat untuk farmasi dan solekan, campuran cat, ubat gigi serta pelbagai lagi produk.

“Dijangka lebih ramai pekerja tempatan diperlukan apabila kuari dan kilang menghasil produk hiliran siap dibina,” katanya.

CEP Resources Entity memiliki lapan jentera berat untuk menggerudi batu, sebuah lori mengangkut blok, tiga lori tanah, dua forklift dan lima excavators. Pon Cha yang berasal dari Ipoh berkata, mesin polish akan digunakan bagi menghasilkan marmar pelbagai saiz antaranya 8' x 8' sehingga 1' x 1' bergantung tempahan pelanggan.

Kata beliau marmar tersebut digunakan bagi membuat meja, kerusi dan dinding terutamanya hotel bertaraf lima bintang.

“Marmar pelbagai saiz dihasilkan menggunakan mesin pengeras dan polish mengikut pelbagai saiz berdasar kehendak pelanggan”.

“Pekerja-pekerja tempatan akan diambil bagi mengendalikan mesin tersebut. Buat masa sekarang operasi mesin polish masih di peringkat percubaan,” ujarnya.

Setiap forklift dimiliki syarikat tersebut mampu mengangkat blok marmar sehingga seberat 12 tan metrik.

Eksport ke China

Blok marmar berbentuk empat segi juga diangkut dengan lori ke tapak simpanan sementara yang terletak kira-kira satu kilometer dari Bukit Batu Bong, sebelum dibawa menggunakan lori ke pelabuhan. Longgokan bongkah empat segi diletak di kiri kanan jalan tidak jauh daripada kebun getah milik penduduk. Blok tersebut dieskport ke China sejak tahun lepas melalui pelabuhan Tok Bali, Pasir Puteh dan Singapura.

Syarikat terbabit juga menyiapkan bangunan “electrical room” berkapasiti 1,000 kilowatt bagi membolehkan Tenaga Nasional Bhd membekalkan tenaga bagi kegunaan kuari. Kelstone juga mengadakan kerjasama dengan sebuah lagi syarikat bagi mengeluarkan batu marmar di Gua Air Sejuk. Ia terletak tidak jauh dari Ladang Sawit Sungai Terah Sdn Bhd. Kawasan itu meliputi keluasan sehingga 182 ekar.



BATU MARMAR DI GUA MUSANG

BERKUALITI TINGGI



Oleh: Aslani M

BIAR pun masih dinafikan hak royalti petroleum sejak 2004 sehingga sekarang, namun kerajaan negeri tidak pernah berputus asa. Perjanjian yang ditandatangani antara Menteri Besar Kelantan dan Petronas pada 1975 tetap terus dipertahankan.

Biar ada pihak menafikan hak tersebut, tanpa sedar bumi Kelantan rupa-rupanya dianugerah kekayaan pelbagai sumber galian lain.

Emas, besi, batu marmar, barite, alluvial, feldspar, batu kapur (limestone) dan pelbagai jenis mineral kini dimanfaatkan kerajaan negeri bagi menjana hasil negeri. Misalnya emas yang dilombong di Sokor, Tanah Merah sejak 2010 sehingga sekarang telah ditemui lebih 300,000 gram. Jumlah tersebut belum lagi diambil kira emas yang dilombong di Kampung Pulai, Gua Musang dan tempat-tempat lain di Kelantan.

Kerajaan negeri mendapat pulangan hasil melalui bayaran royalti sebanyak 5 peratus, manakala Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pula dibayar tribute (3 peratus) oleh syarikat yang diberi konsesi melombong. Perlombongan emas di Sokor dijalankan syarikat China Nonferrous Mining Corporation (CNMC) dari China dengan usahasama PKINK.

Selain emas, kerajaan negeri juga kini memfokuskan perlombongan batu marmar. Gua Musang antara kawasan yang paling luas ditemui batu marmar di Malaysia. Perlombongan batu marmar dijalankan di Bukit Batu Bong, Mukim Ulu Nenggiri, Bertam, Gua Musang membabitkan kawasan seluas 65 ekar.


Kerja-kerja perlombongan di kuari batu marmar tersebut dimulakan pada Jan 2011 bagi menghasilkan blok-blok mentah marmar.

Projek tersebut dibangunkan Kelstone Sdn Bhd, anak syarikat PKINK dengan kerjasama CEP Resources Entity Sdn Bhd sebuah syarikat berpangkalan di Singapura.

Pengarah Eksekutif, Haji Mohd Shah Ab Kadir berkata, CEP melabur sebanyak RM30 juta bagi melombong batu marmar di Bukit Batu Bong.

Katanya, sejak beroperasi sehingga Febuari lepas sebanyak 647 blok seberat 8,276 metrik tan dihasilkan di lombong tersebut.

"Sebahagian daripada jumlah batu marmar itu dieksport ke China iaitu sebanyak 36 blok pada 2012 dan 48 blok tahun lepas," katanya ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.



"Malah Jabatan Alam Sekitar memantau dari dekat projek tersebut bagi memastikan tidak berlaku pencemaran sungai dan bunyi sehingga boleh mengganggu penduduk berdekatan," ujarnya.

Kuari terbabit juga turut dipantau Jabatan Perhutanan serta Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang. Di kawasan kuari juga syarikat membina kolam takungan bersaiz lebih besar bagi memerangkap mendapan sebelum limpahan air mengalir ke sungai ketika musim hujan.

Selain Bukit Batu Bong, Kelstone juga menemui kawasan baru yang lebih luas bagi menghasil batu marmar berkualiti tinggi. Mohd Shah berkata, bukit batu marmar tersebut terletak di Gua Air Sejuk dianggar mempunyai keluasan sehingga 182 ekar.

"Sebuah syarikat tempatan telah mengadakan perjanjian dengan Kelstone bagi mengeluarkan batu marmar di lokasi baru tersebut," katanya.

Kerja-kerja perlombongan dijangka dimulakan tidak lama lagi selepas peneroka yang terdapat di kawasan itu dipindahkan.

Kawasan terbabit lebih landai berbanding di Bukit Bong. Jalan untuk sampai ke Gua Air Sejuk melalui ladang kelapa sawit milik Syarikat Ladang Sungai Terah. Lalan di situ juga boleh sampai ke penemuan Orang Asal di Pos Pulat.



KELANTAN-SELANGOR

LAKSANA 7 USAHASAMA EKONOMI

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU : Kerajaan Kelantan dan Selangor menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi melaksanakan tujuh projek usahasama ekonomi kedua-dua negeri.

Menteri Besar, Dato' Haji Ahmad Yakob berkata, tujuh projek yang dikenal pasti itu melibatkan pembangunan bidang pendidikan, sistem gadaian Islam Ar-Rahn, rangkaian siber, industri makanan halal, selain rawatan air dan Hybrid Off River Augmentation System (HORAS).

Beliau berkata, kerjasama itu nanti bakal membuka peluang untuk kedua-dua negeri membangunkan ekonomi masing-masing menerusi perkongsian pengalaman dan kepakaran yang dimiliki untuk kepentingan rakyat.

"Daripada tujuh projek yang dirangka, tiga yang bakal dilaksanakan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) ialah mengembangkan sistem gadaian Islam Ar-Rahn di Selangor, pembangunan wifi dan jalur lebar, serta mewujudkan pusat pengumpulan produk makanan halal keluaran usahawan Kelantan dan Selangor.



"Empat lagi projek pula bakal di kendalikan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) membabitkan Pendidikan Islam, pembangunan pusat Hub Halal Antarabangsa Selangor di Machang, sumber air dan sistem HORAS," katanya.



Dato' Haji Ahmad berkata demikian selepas majlis menandatangani MOU di antara Perbadanan Menteri Besar Selangor dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) serta Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) di sini.

Turut hadir pada majlis yang berlangsung di kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan di JKR10 ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan dan Selangor.

Dalam perkembangan sama, Abdul Khalid memberitahu, bagi memastikan kerjasama tersebut berhasil, kedua-dua belah pihak telah memilih projek-projek yang boleh dilaksanakan segera. Menurut beliau, proses pemantauan akan dilakukan setiap tiga bulan oleh pegawai khas yang dilantik untuk memantau perkembangan perancangan yang telah dipersetujui kedua-dua belah pihak.

Tambah beliau, Selangor juga bersetuju membangunkan pusat Pendidikan Islam dengan mencontohi kepakaran serta pengalaman yang dimiliki kerajaan negeri Kelantan.

RUMAH MAMPU MILIK

HADIAH UNTUK RAKYAT



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU: Setelah berjaya mengekalkan mandat untuk mentadbir negeri ini, Kerajaan Kelantan di bawah pimpinan Dato' Haji Ahmad Yakob menetapkan sasaran untuk membina 1,000 hingga ke 5,000 unit rumah mampu milik di seluruh negeri ini dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menteri Besar, Dato' Haji Ahmad Yakob berkata, projek tersebut kini menjadi keutamaan pentadbirannya bagi memastikan setiap lapisan rakyat memiliki kediaman sendiri selaras dengan dasar 'Satu Keluarga Satu Rumah'. Sehubungan itu kata beliau, pihaknya telah memberi mandat kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) serta Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) bagi mengenal pasti tanah milik kerajaan negeri yang berpotensi untuk dibangunkan dalam tempoh tersebut.

"Bermula tahun ini, kita buat ketetapan untuk membina sekitar 1,000 ke 5,000 unit rumah mampu milik di Kelantan dalam tempoh lima tahun, bergantung kepada keupayaan kita," katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Rumah Mampu Milik Kelantan serta majlis pecah tanah Projek Rumah Mampu Milik Badang di sini baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Besar, Dato' Mohd Amar bin Abdullah, bekas Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dato' Abdul Fattah Mahmood serta Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah.

Projek Rumah Mampu Milik Badang yang menelan kos mencecah RM30 juta akan dibina oleh Binaraya PKINK Sdn. Bhd. di atas tanah seluas dua hektar dan melibatkan sebanyak 334 unit apartmen.

Apartmen yang dibina terbahagi kepada tiga kategori mengikut kemampuan pembeli iaitu kategori harga rendah akan dijual pada harga RM43,000 seunit manakala apartmen harga sederhana rendah dan sederhana masing-masing dijual pada harga RM65,000 serta RM99,000 seunit. Dato' Haji Ahmad berkata, projek perumahan mampu milik berskala besar sebagaimana di Badang akan turut dibina di Meranti, Pasir Mas serta Kampung Baru, Tumpat dalam masa terdekat sebelum diperluaskan ke jajahan lain di seluruh negeri.

"Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) serta Bank Simpanan Nasional (BSN) bersetuju bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi mempermudah urusan pembiayaan pinjaman pembelian rumah," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu, kerajaan negeri sedia mempertimbangkan untuk meluluskan permohonan menukar status mana-mana tanah pertanian kepada tapak perumahan.

"Bagaimanapun pertimbangan untuk meluluskan sebarang permohonan dilakukan secara berhati-hati dengan mengambil kira peratusan kemampuan tanah tersebut mengeluarkan hasil," katanya.



KELANTAN TARIK

PELABURAN RM9.74 BILION



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

PUTRAJAYA : Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berjaya menarik pelaburan sebanyak RM24.45 bilion ke Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada suku pertama 2014 yang melibatkan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Dearah Mersing, Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan ECER telah menarik RM 63.58 bilion dalam jumlah pelaburan dari 2007 sehingga suku pertama tahun ini, melebihi lebih daripada 57 peratus daripada sasaran pelaburannya yang pertama tahun ini sebanyak RM110 bilion menjelang 2020.

Sementara itu, dalam satu kenyataan, ECERDC berkata, Kelantan telah menarik pelaburan sebanyak RM9.74 bilion dengan potensi untuk mewujudkan 11,121 pekerjaan manakala Pahang telah menarik pelaburan paling banyak RM30.46 bilion (38,027 pekerjaan) diikuti Terengganu dengan RM22.77 bilion (16,638 pekerjaan) dan daerah Mersing di Johor RM610 juta (211 pekerjaan).

Sempena majlis penyerahan lima Pelan Pengurusan Alam Sekitar untuk pembangunan lestari taman-taman negara dan ECER serta pengumuman Laporan Suku Pertama 2014, Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Pembangunan Projek Kilang Keluli Bersepadu di Gua Musang dan Tok Ball, antara ECERDC, PKINK dan MYSTEEL ASIASTAR SDN BHD telah diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dengan disaksikan oleh Perdana Menteri.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Mohd. Ali Hamsa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said, Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Ahmad Yakob dan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Projek yang dianggarkan bernilai RM2.964 bilion itu dijangka boleh menjana sebanyak 2,500 peluang pekerjaan menjelang 2018 sekaligus merencanakan lagi peluang pekerjaan untuk anak tempatan.

KELANTAN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN MAMPAN DALAM INDUSTRI PERUMAHAN



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU: Industri perumahan di Kelantan bakal memasuki fasa baharu dan berubah wajah apabila kerajaan negeri menggalakkan pembangunan hijau dan mesra alam dalam industri pembinaan.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Persatuan Pemaju-Pemaju Perumahan (REHDA) negeri Kelantan akan membantu kerajaan negeri melaksanakan pembangunan perumahan berkonsepkan teknologi hijau termasuk persekitaran yang sesuai didiami.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Dato' Abdul Fatah Mahmood berkata, projek pembangunan berkonsep kehijauan yang julung kali dibangunkan di Kelantan dapat menggalakkan pembangunan persekitaran yang lebih mampan dan sesuai didiami.

"Dengan adanya standard penarafan hijau dalam industri pembinaan dapat membantu dari peringkat awal supaya rekabentuk hartanah dan penggunaan teknologi baharu dapat diterap bagi pembinaan bangunan cekap tenaga dan mesra alam," katanya selepas merasmikan taklimat isu-isu semasa industri perumahan anjuran bersama PKINK dan REHDA negeri Kelantan di Bangunan PKINK baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK, Zainal Abd Rahim, Pengerusi REHDA Kelantan, Dato' Sekarnor Che Omar dan Setiausaha Agung REHDA Malaysia, Datuk Muztaza Mohamad.



Abdul Fatah berkata, dengan adanya teknologi hijau ini dapat memberi penarafan hijau mengikut piawaian yang dipatuhi oleh bangunan tersebut.

"Di Kelantan sekarang terdapat kira-kira 120 pemaju berlesen disaran untuk menggunakan teknologi hijau supaya industri ini lebih cekap dan praktikal," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah dalam ucapan majlis penutup berkata, dengan penglibatan dan sokongan semua pihak serta mekanisma yang ada dapat merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk melaksanakan pembangunan perumahan berkonsepkan teknologi hijau dan berharap mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dalam usaha menyediakan industri pembinaan yang lebih cekap dan praktikal.

PIZZA NURNIS TEMBUSI

PASARAN PANTAI TIMUR

Oleh : Tuan Mohd Nor Tuan Yahya
Foto : Tuan Hissam Tuan Mamat

MACHANG : Berbekalkan modal awal seribu ringgit, Puan Maimunah Sulaiman telah menggalakkan anak sulungnya Nurul Ashakirin untuk mendalami cara pembuatan pizza yang kini merupakan makanan yang digemari ramai.

Kesibukan Nurul dalam usaha memperluaskan bidang pembuatan pizza ini menjadikan Puan Maimunah sendiri telah melibatkan diri sepenuh masa untuk meneruskan pembuatan pizza yang sehingga kini telah berjaya berada dalam pasaran negeri Pantai Timur.

Jenama pizza Nurnis kini boleh didapati di sekitar Machang dan Kota Bharu serta di bandar Kuantan Pahang.

"Alhamdulillah sambutan terhadap pizza keluaran syarikat kami semakin mendapat sambutan dan kami mempelawa mana-mana pihak yang berminat untuk membuka kiosk pizza kami di seluruh Kelantan dan Terengganu" ujar beliau.

Pizza yang dihasilkan dalam bentuk sejuk beku terdapat dalam dua perisa utama iaitu Ayam dan Daging.



Puan Maimunah juga kini sudah boleh menarik nafas lega kerana pizza beliau walaupun tidak menggunakan jenama Nurnis, terus mendapat permintaan yang tinggi dari tempahan luar yang menggunakan jenama mereka masing-masing.

" Dengan tenaga yang kurang ini, kami dapat membekalkan pizza kepada beberapa peniaga makanan sejuk beku lain dan kebanyakan mereka menggunakan jenama masing-masing dan sehingga kini kami masih buka kepada sesiapa yang ingin memulakan perniagaan Pizza " katanya lagi





Menyentuh perancangan untuk memajukan perniagaan pizza tersebut, Maimunah berkata pada peringkat awal kini, syarikatnya sedang mencari beberapa tapak yang sesuai untuk dijadikan Kiosk Jualan Pizza di sekitar bandar Machang dan Kota Bharu.

Penjualan pizza secara francais juga boleh dilakukan sekiranya ada anak-anak muda ingin membuka gerai jualannya dan insyaAllah pihak syarikatnya boleh membantu dalam usaha menjadikan pizza sebagai makanan segera seperti jualan burger dan martabak masa kini.

Puan Maimunah bersama empat pekerjaanya turut dibantu oleh suaminya Mohd Nazlan Mohd Ayub dalam memastikan bekalan sejumlah 150 biji sehari dapat disiapkan sebaik mungkin.

"Permintaan terhadap Pizza Nurnis di Kuantan Pahang amat menggalakkan dan kami sentiasa memastikan kualitinya baik dan memuaskan hati pengguna di sana kerana sehingga kini Kuantan masih menjadi tumpuan utama syarikat kami dalam membekalkan pizza ini." ujar beliau lagi.

Dalam usaha menambah baik kualiti Pizza Nurnis, Puan Maimunah dan suaminya juga sering mengikuti pelbagai kursus yang disediakan oleh beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Mardi dan kini pihak PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan dan Perdagangan Antarabangsa yang telah membantu dalam aspek pemasaran dan peningkatan kualiti.

Kedai pembuatan pizza beliau yang terletak di hadapan Sekolah Menengah Bandar, Machang juga sering menjadi tumpuan guru-guru sekolah dan mendapat tempahan termasuklah dari pensyarah Politeknik Kota Bharu.



Bagi mereka yang berminat untuk mencari pendapatan tambahan melalui penjualan pizza, bolehlah hubungi Puan Maimunah di talian 013-9215728 atau 013-9107538 untuk menjadi agen jualan mahupun untuk membuka gerai atau kiosk di seluruh negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.



Sambutan Maulidur Rasul 1435H

Peringkat PKINK



Mesyuarat Agung

Kelab Sukan dan Kebajikan Kumpulan PKINK Kali Ke -33





Pasukan Futsal PKINK Sertai

Kejohanan Futsal Piala Konsultan KPJ Perdana 2014



Kunjungan Hormat Pengurus Kanan PKINK

Ke Pejabat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan





Expo Kelantan – Linxia

MaKanan Halal Antarabangsa Kelantan 2014



Gotong-Royong Perdana

Kawalan Wabak Denggi Peringkat Negeri Kelantan





Sesi TakLimat & Perbincangan Program-Program Di Bawah IKS dan NBOS



Majlis Serahan Bendera Kontinjen Sempena Sukan Gema Putera 2014



PANDUAN PENIAGA MUSLIM

YANG BERJAYA

Disunting Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat
*Sumber: USAHAWAN.COM

Perniagaan merupakan salah satu cabang untuk menjaga pendapatan dan ekonomi harian tidak kira bagi pihak individu atau berkumpulan. Malah, dalam Islam sendiri telah menyatakan bahawa perniagaan adalah 9/10 daripada pintu rezeki. Sedikit sebanyak hal ini telah menggambarkan bahawa perniagaan boleh menjadi satu peluang kepada kita untuk mencari rezeki. Yang penting, perlu ada modal dan usaha untuk mengembangkan perniagaan. Akan tetapi, perlu diingat bahawa perniagaan bukan mahu mengejar keuntungan semata-mata kerana dalam perniagaan kerugian juga menjadi satu lumrah. Islam sendiri ada menggariskan tujuan perniagaan mengikut perspektif Islam iaitu untuk memperbesar dan memperluaskan aktiviti syariat atau bertujuan ibadah dan mendapat pahala yang banyak. Oleh itu, dalam perniagaan, kita perlulah senantiasa mencari keredhaan ALLAH SWT iaitu dengan cara menetapkan niat yang betul serta menjalankan perniagaan dengan sebaik-baiknya. Selain itu, dalam perniagaan juga, ada etika yang perlu dipatuhi. Tujuan etika perniagaan tidak lain tidak bukan untuk memastikan para peniaga Muslim khususnya, menghindarkan sifat-sifat yang keji lantas sentiasa mengamalkan sifat-sifat terpuji sepanjang menguruskan perniagaan. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat-sifat terpuji ini? Ianya adalah seperti berikut:

Jujur dan Amanah – Jangan Menipu

Jujur dan amanah!! Itulah sifat utama yang perlu ada pada seorang peniaga Muslim. Seseorang peniaga yang menipu dalam jualannya tidak selamanya akan terus memperoleh keuntungan. Masyarakat pada hari ini semakin bijak menilai dan menganalisis pastinya akan dapat menghidu penipuan yang dijalankan. Akhirnya, kerugian akan berpatah balik kepada peniaga kerana kepercayaan para pembeli semakin berkurangan. Maka atas sebab itu, Islam telah mengunjurkan agar setiap Muslim yang menjalankan urusniaga mestilah bersifat jujur dengan perniagaannya. Jangan sesekali menjual barangan yang telah rosak, menipu sukatan atau timbangan, menjual sesuatu dengan mengambil keuntungan yang sangat besar sehingga menyukarkan pembeli dan sebagainya.

Dari segi amanah pula, seseorang peniaga Muslim tidak sepatutnya berbuat seleweng demi meraih keuntungan semata-mata. Aktiviti jual beli yang diselangi dengan perbuatan pecah amanah hanya merugikan kedua-dua belah pihak. Pecah amanah ini seringkali berlaku kepada syarikat-syarikat besar yang mana ada dalam kalangan ahlinya yang membocorkan rahsia syarikat kepada pihak-pihak berkepentingan. Apa yang boleh diperkatakan, pecah amanah boleh berlaku disebabkan sifat tamak yang membuak-buak dalam diri. Berpunca daripada ini juga, boleh timbul permasalahan yang lain seperti rasuah dan sebagainya. Sayangnya, ramai peniaga Muslim pada hari ini yang bersikap tidak sabar dan gelojoh untuk meraih keuntungan dalam perniagaan sehingga ada dalam kalangan mereka yang sanggup menipu dan memperdaya para pengguna. Dalam Al-Quran dengan jelas telah menyebut dan mengangkat martabat orang-orang yang bersikap jujur iaitu melalui Surah al-Taubah ayat 119 yang bermaksud;

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang jujur."

Melalui ayat ini, dengan jelas telah menunjukkan kepada kita bahawa kejujuran itu merupakan sifat yang penting dan terpuji serta patut diamalkan bukan hanya dalam konsep perniagaan sebaliknya juga dalam hal-hal kehidupan seharian.



Hindari Riba'

Apa itu riba? Mengikut pengertian Syarak, riba ialah akad bagi sesuatu pertukaran barang-barang yang tertentu tetapi tidak diketahui persamaannya menurut kiraan Syarak ketika akad atau diketahui persamaannya dengan menggunakan kedua-dua pertukaran itu atau salah satu dari keduanya. Pasti masih ramai para peniaga Muslim yang belum mengetahui tentang konseptual riba dengan lebih mendalam. Tetapi, apa yang boleh diperkatakan adalah riba merupakan suatu perbuatan yang diharamkan oleh ALLAH SWT untuk diamalkan dalam perniagaan. Firman ALLAH SWT dalam Al-Quran yang bermaksud;

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian adalah disebabkan mereka mengatakan bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba. Padahal ALLAH SWT telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) daripada Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada ALLAH SWT. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya." (Al-Baqarah, 2:275)

Konsep riba pada hari ini dilihat semakin berleluasa tidak kira dalam perniagaan yang kecil mahupun yang besar dan tidak dinafikan begitu ramai dalam kalangan peniaga Muslim juga terlibat dengan amalan riba. Perlu diketahui bahawa riba terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Riba Al-Fadhli, Riba Al-Yad, dan Riba' Al-Nasi'ah.

- **Riba Al-Fadhli**
Riba jenis ini bermaksud riba yang dibayar lebih kepada sesuatu pihak yang menukarkan barang. Sebagai contoh, satu kilo beras mahsuri ditukarkan dengan satu kilo beras yang lain iaitu berlainan jenis dan kualiti.
- **Riba Al-Yad**
Riba yang dibayar lebih kerana tidak diterima dalam majlis akad jual beli. Contohnya, seseorang individu yang berakad sebanyak RM50.00 tetapi apabila diluar akad dibayar RM60.00.
- **Riba Al-Nasi'ah**
Riba Al-Nasi'ah adalah riba yang dibayar lebih kerana dilewatkan pembayarannya. Mengambil contoh pinjaman yang dilakukan hanyalah

sebanyak RM100.00 tetapi yang perlu dibayar semula adalah berjumlah RM120.00.

Oleh itu, para peniaga Muslim perlulah menjauhi amalan riba dalam menjalankan perniagaan masing-masing.

Riba tidak langsung menguntungkan malah hanya memudaratkan serta turut mengundang dosa dan balasan seperti yang telah disebutkan di dalam Al-Quran Al-Karim. Riba juga hanya akan menyukarkan dan menindas pihak pembeli atau pengguna kerana mereka perlu membayar lebih untuk mendapatkan sesuatu keperluan. Dalam situasi yang lain, riba boleh dikategorikan sebagai satu pemerasan dan penindasan terhadap orang-orang miskin kerana mereka akan terus terbeban untuk menjelaskan hutang sedia ada disebabkan bunga yang sentiasa bertambah apabila hutang lambat dibayar.

Konklusinya, hindarilah riba!! Riba hanya akan mendorong pelakunya hidup senang-lenang tanpa bekerja dan berusaha sedangkan Islam sangat menekankan agar umatnya senantiasa berusaha dan bekerja untuk mendapatkan rezeki yang halal dan berkat.

Saling Redha-Meredhai

Perniagaan yang baik adalah perniagaan yang mempunyai elemen saling redha meredhai antara satu sama lain iaitu antara penjual dengan pembeli. Dalam erti kata lain, jual beli yang dijalankan secara paksa adalah tidak dibenarkan sama sekali. Setiap pembeli mempunyai hak untuk membeli dan keputusan untuk membeli atau tidak sesuatu barangan terletak kepada mereka. Maka, adalah tidak wajar sama sekali sekiranya seseorang penjual memaksa orang lain untuk membeli barangan yang dijual. Bukan itu sahaja, paksaan juga boleh menimbulkan pergaduduhan dan perselisihan antara kedua-dua belah pihak. Persoalannya, mengapakah elemen saling redha-meredhai penting dalam diri setiap peniaga dan pembeli? Hal ini demikian kerana, Firman ALLAH SWT di dalam Al-Quran yang bermaksud;

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (atau ambil) harta orang lain secara batil (tidak sah) melainkan melalui perniagaan (yang dilakukan secara) redha-meredhai antara kamu." (Al-Nisa, 4:29)

Bagi mencapai sifat redha-meredhai, para peniaga dan pembeli juga seharusnya mempunyai satu sikap lain iaitu boleh bertolak ansur sesama sendiri. Umumnya, tawar-menawar sudah menjadi satu kebiasaan dalam perniagaan di antara pihak penjual dengan pihak pembeli.

Oleh itu, kedua-dua belah pihak perlu mengetahui akan had atau batas dalam tawar-menawar. Sekiranya boleh, tidak menjadi masalah untuk para peniaga bertolak ansur dengan memberikan harga yang lebih rendah dan berpatutan seperti yang ditawarkan oleh pembeli.

Akan tetapi, pihak pembeli juga seharusnya sedar supaya mereka tidak meminta harga yang terlalu rendah kerana boleh mendatangkan kerugian kepada pihak peniaga. Oleh itu, bermula daripada sinilah perlunya sikap bertolak ansur antara satu sama lain dan hasil daripada bertolak ansur tersebut boleh menimbulkan rasa saling redha-meredhai antara penjual dengan pembeli sekiranya proses jual beli tersebut berlaku.

Tujuan Islam menekankan konsep saling redha-meredhai antara satu sama lain adalah untuk memastikan tidak ada mana-mana pihak yang akan tertindas. Perniagaan sepatutnya berjalan dalam suasana yang harmonis dan boleh memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Perlu difahami bahawa konsep perniagaan sangat luas. Perniagaan boleh juga diklasifikasikan sebagai suatu kontrak iaitu kedua-dua belah pihak yang berkontrak mestilah mendapat keuntungan masing-masing. Sikap redha-meredhai adalah bertujuan menghindarkan rasa tidak puas hati dan tertipu yang berkemungkinan boleh berkembang menjadi suatu masalah yang lebih besar.



Jauhi Sikap Tamak!!

Tamak merupakan sikap yang perlu dijaui oleh setiap peniaga Muslim. Sikap tamak hanya akan memakan diri sendiri. Setiap peniaga Muslim perlu berusaha dan berikhtiar untuk mendapatkan rezeki. Peluang yang datang dalam perniagaan seharusnya digunakan dengan sebaik-baiknya.

Namun perlu diingat, janganlah sesekali kita mengambil hak atau peluang orang lain dalam perniagaan dengan niat untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda. Pepatah Melayu ada menyebut, 'orang tamak selalu rugi, macam anjing dengan bayang-bayang.'

Hakikatnya, pepatah ini adalah benar. Jauhilah sikap tamak sebaliknya amalkanlah sikap bantu-membantu antara satu sama lain. Bantu-membantu antara para peniaga dengan para peniaga atau para peniaga dengan pembeli sudah pasti dapat menyuburkan lagi ekonomi semasa dan perniagaan juga akan bertambah baik. Sebagai seorang peniaga Muslim, kita perlu sentiasa berusaha dan percaya bahawa rezeki ditentukan oleh ALLAH SWT.

Sekiranya kita berusaha dengan cara yang baik, InsyaALLAH kita akan memperolehi rezeki yang baik. Jika sebaliknya berlaku, kita juga boleh memperolehi rezeki tetapi fikirkanlah tentang status rezeki yang diperolehi sama ada halal atau haram.

Perlu diketahui, perniagaan merupakan suatu pekerjaan yang amat diredhai oleh ALLAH SWT sekiranya diuruskan dengan betul dan baik. Dalam perniagaan juga, untung dan rugi menjadi satu risiko yang biasa. Bagi mana-mana peniaga Muslim yang telah menjalankan perniagaan dengan sebaik-baiknya, tetapi masih mengalami kerugian, jangan sesekali berputus asa. Teruslah berusaha dan berikhtiar untuk memajukan perniagaan anda kerana usaha yang berterusan pasti akan membuahkan hasil pada masa akan datang. Elakkanlah daripada bersikap tamak dan gelojoh serta hindarkanlah konsep riba dalam perniagaan anda. Masih banyak cara dan strategi berkesan yang boleh diguna pakai bagi mengembangkan lagi perniagaan yang anda usahakan. Berniagalah dengan mengikut panduan-panduan yang telah digariskan oleh Islam kerana sudah pasti tidak akan membawa kepada kerugian sebaliknya boleh membawa kejayaan kepada anda baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Semoga kita semua sentiasa mendapat petunjuk dan rahmat daripada-Nya. InsyaALLAH.

PEKERJA CEMERLANG

PESARA & KHIDMAT LAMA DIRAI DALAM SATU MAJLIS



KOTA BHARU - 8 Mei 2014, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah meraikan lima (5) orang anggota PKINK yang telah bersara dari perkhidmatan, penganugerahan khidmat lama kepada 57 orang anggota PKINK yang telah berkhidmat dengan PKINK melebihi 30 tahun dan juga penganugerahan khidmat cemerlang anggota PKINK bagi tahun 2011 dan 2012 seramai 21 orang.

Majlis yang telah diadakan di Perdana Resort itu turut dihadiri YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PKINK, Timbalan Ketua Eksekutif HEK PKINK, Pengurus-Pengurus Bahagian, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak dan semua anggota PKINK.

Anggota yang dirai sempena persaraan ialah Tuan Haji Ab. Rahman bin Sulaiman, seorang pemandu kenderaan Gred R6 telah bersara pilihan diusia 58 tahun. Beliau berkhidmat di PKINK selama 28 tahun, dan memilih tarikh 1 September 2013 sebagai tarikh bersara pilihan.

En. Rusli Ismail bermula di PKINK pada 1 Ogos 1996 sebagai Pegawai Tadbir dan ditempatkan di Bahagian Pembangunan Usahawan. Selepas berkhidmat selama 16 tahun, beliau telah mengambil langkah bersara awal diusia 58 tahun pada 1 Januari 2014. Perkhidmatan terakhir beliau ialah di Bahagian Industri dan IKS sebagai Pengurus Bahagian Gred N48.

Puan Hajjah Sabariah binti Ibrahim sebagai Setiausaha Pejabat Gred N28 telah memilih untuk bersara awal diusia 58 tahun. Mula berkhidmat dengan PKINK pada 7 Julai 1980 sebagai Jurutengkas dan pada tahun 2003 dinaikkan

pangkat sebagai Pembantu Tadbir Kesetiasahaan Kanan Gred N22. Beliau pernah ditugaskan di Bahagian Timbalan Pengurus Besar, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK), Bahagian Kewangan dan terakhir di Bahagian MIS sehingga bersara pada 8 Januari 2014.

Selepas berkhidmat di PKINK selama 33 tahun, En. Malik Sidek telah membuat pilihan untuk bersara awal di usia 56 tahun pada 2 Mac 2014. Bermula sebagai Juruteknik di PKINK pada 1 September 1980 dan dinaikkan ke pangkat sebagai Juruteknik Kanan pada 1 November 1991. Perkhidmatan beliau yang terakhir ialah di Bahagian Khidmat Teknikal.

Puan Nik Roziah @ Nik Noorazita binti A. Jalil memulakan perkhidmatan dengan PKINK pada 15 Januari 1983 sebagai Pembantu Tadbir. Dilantik secara KPSL ke Jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 mulai pada 18 Februari 2008. Selepas berkhidmat dengan PKINK selama 31 tahun, beliau bersara awal di usia 56 tahun pada 7 Mei 2014. Pernah ditempatkan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Unit Pelancongan, Bahagian Pembangunan Usahawan dan terakhir di Bahagian Hartanah dan Sumber Asli.

Selain merai anggota yang bersara, turut diadakan majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang anggota PKINK bagi tahun 2011 dan 2012. Setiap anggota menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM1,000.00. Bagi anggota yang berkhidmat lama melebihi 30 tahun, PKINK menyumbangkan dua dinar emas tiap seorang di samping sijil penghargaan.

Hadiah bagi penghargaan khidmat lama dan anggota bersara disampaikan Tuan Haji Dr. Wan Zawawi Wan Ismail, Timbalan Ketua Eksekutif HEK PKINK. Sementara, YAB Ustaz Dato Haji Ahmad bin Yakob Menteri Besar Kelantan menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.



PKINK TAMPIL SEMANGAT JUANG YANG TINGGI DALAM SUKAN GEMAPUTERA 2014

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU: Kejohanan Sukan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (GEMAPUTERA) 2014 yang berlangsung di Pahang baru-baru ini melabuhkan tirainya dengan penuh warna warni suka duka bagi 14 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri seluruh Malaysia yang menyertainya.



Kontinjen PKINK juga tidak ketinggalan menghantar seramai 75 peserta terdiri daripada atlet, pegawai pasukan dan sekretariat pasukan yang menyertai keseluruhan sukan yang dipertandingkan. Antara sukan yang dipertandingkan adalah golf, futsal, bola jaring, karom dan boling.

Sepanjang kejohanan berlangsung, Pasukan PKINK menunjukkan semangat juang yang tinggi untuk menjuarai kelima-lima acara sukan yang dipertandingkan. Biarpun pasukan futsal dan boling gagal untuk mengekalkan sebagai empat pasukan terbaik yang pernah disandang pada Sukan SUPERB 2012 lalu, namun mereka tetap menjadi pesaing kepada pasukan lain di atas komitmen yang penuh konsisten.

Bagaimanapun, pasukan bola jaring dan golf berjaya memperbaiki kedudukan dengan menempatkan diri ke pusingan suku akhir manakala pasukan karom yang dianggap sebagai pasukan pilihan berjaya menebus kekecewaan dengan merangkul naib johan sekaligus memberi kelebihan kepada kem PKINK untuk menduduki tempat keempat keseluruhan.

Melalui penganjuran GEMAPUTERA 2014 dapat memberi peluang kepada Perbadanan Kemajuan

Ekonomi Negeri seluruh Malaysia medan untuk menjalin kerjasama, mengeratkan silaturahmi dan semangat seliakawan dalam suasana yang meriah dan mesra, tanpa mengira latarbelakang negeri.

Terdahulu, Majlis Penyerahan bendera telah dilakukan oleh Tuan Hj. Mohd Sabri Bin Abdullah selaku Ketua Eksekutif PKINK kepada Dr. Haji Wan Zawawi Wan Ismail selaku Ketua Kontinjen PKINK ke GEMAPUTERA 2014 sehari sebelum Kontinjen berangkat ke Pahang.



PENANG INTERNATIONAL HALAL EXPO AND CONFERENCE

Oleh: Bahagian Usahawan, Iks & Perhubungan Antarabangsa

PKINK melalui bahagian Pembangunan Usahawan telah menyertai program PENANG INTERNATIONAL HALAL EXPO AND CONFERENCE kali ke-5 pada 17 hingga 19 Januari 2014 bertempat di Penang International Sport Arena (PISA) Pulau Pinang yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guang Eng.

Antara produk yang dipamerkan oleh usahawan-usahawan di bawah PKINK adalah seperti Ikan Pekasam Paku Napi, Kopi Pra-Campuran, Chicken Chop Segera, Kerepek Herba, Barangan Kosmetik dan Batik. Penyertaan PKINK ini bertujuan untuk mempromosi dan mengadakan jualan langsung produk-produk usahawan dari Kelantan di samping memperkenalkan produk-produk negeri Kelantan kepada pasaran dalam negeri dan antarabangsa.



11TH MALAYSIAN INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE (MIHAS 2014)

Oleh: Bahagian Usahawan, Iks & Perhubungan Antarabangsa

PKINK melalui Bahagian Usahawan, Iks & Perhubungan Antarabangsa telah menyertai 11th MALAYSIAN INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE (MIHAS 2014) pada 9 hingga 12 April 2014 lalu yang berlangsung di KLCC. MIHAS dirasmikan Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamad pada 9 April lalu.

Turut hadir pada majlis perasmian ialah Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah. Booth PKINK menerima kunjungan Timbalan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Korporat PKINK, Dr Wan Zawawi Wan Ismail dan Timbalan Ketua Eksekutif Perancangan & Pembangunan PKINK, Haji Zainal Abdul Rahim serta Pengarah Jakim.

MIHAS yang merupakan platform untuk memperkenalkan dan mempromosi produk halal di peringkat antarabangsa telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada pelbagai pihak terutama usahawan-usahawan tempatan. Antara produk yang dipamerkan oleh usahawan-usahawan di bawah bimbingan PKINK adalah seperti Sarang Burung Walid, Madu Kelulut, Kopi Pra-Campuran, Martabak Segera, Chicken Chop Segera dan Daging Burger. Penyertaan PKINK bertujuan mengenengahkan dan mempopularkan produk halal keluaran tempatan negeri Kelantan ke pasaran Malaysia dan antarabangsa.



PKINK ANJUR SEMINAR HALAL NEGERI KELANTAN 2014

Oleh: Bahagian Usahawan, Iks & Perhubungan Antarabangsa

Pada 26 Februari 2014, satu SEMINAR HALAL NEGERI KELANTAN 2014 yang bertajuk "**PEMATUHAN & INSENTIF DALAM PERNIAGAAN**" telah diadakan di Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu, Kelantan.

Seminar ini diadakan sempena Kelantan International Food And Halal Festival 2014 (KELCHEF 2014) anjuran Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ).

Seminar dirasmikan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Negeri Kelantan, YB. Hj. Zulkifli Bin Mamat.

Seramai 260 orang peserta telah menghadiri seminar ini bagi mendapatkan input-input penting yang disampaikan oleh penceramah - penceramah jemputan sepanjang tempoh seminar berlangsung.



KURSUS PENGUCAPAN AWAM

PLATFORM MELAHIRKAN PEGAWAI YANG EFISIEN

KOTA BHARU : Kursus Pengucapan Awam yang julung kali dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui Unit Latihan yang diadakan di Perdana Resort pada 12 Februari lalu mencapai kejayaan apabila banyak membantu meningkatkan pengetahuan pegawai dengan kaedah dan kemahiran pengucapan awam.

Seramai 34 pegawai PKINK didedahkan dengan sesi perkongsian kaedah yang terperinci secara tidak langsung dapat memperbaiki kesalahan dan kelemahan dalam pertuturan dan penampilan sewaktu berucap di hadapan khalayak seterusnya

dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kumpulan PKINK.

Kursus yang menampilkan penceramah daripada Zamhani Zam Enterprise, Haji Ibrahim Abd Rahman itu menerapkan kaedah dan cara yang betul dalam pengucapan yang melibatkan orang ramai dan penggunaan bahasa yang betul serta gerak badan mengikut kesesuaian tempat dan keadaan.

Dengan adanya kursus ini, diharap dapat memberi kesan kepada pegawai yang terlibat sekaligus dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada organisasi.



KURSUS INDUKSI

PENCETUS SEMANGAT ANGGOTA BARU

KOTA BHARU : Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui Unit Latihan telah mengadakan Kursus Induksi untuk anggota baru di Perdana Resort pada 5 hingga 6 Mac lalu sebagai persediaan untuk anggota baru menghadapi suasana dan tekanan di tempat kerja selain mencetus semangat untuk bekerja dengan efisien dan dinamik.

Seramai 40 anggota baru PKINK telah didedahkan dengan sesi perkongsian maklumat berkaitan PKINK yang merangkumi pelbagai aspek yang secara tidak langsung memberi pendedahan kepada mereka mengenai peranan PKINK dalam memajukan ekonomi negeri.

Peserta kursus juga turut diberi pendedahan untuk memahami dasar Membangun Bersama Islam yang disampaikan oleh Pegawai Khas Menteri Besar Kelantan, Encik Wan Roslan Wan Hamat. Selain itu, peserta juga turut diberi penerangan mengenai

"Solat Sumber Kejayaan" yang telah dikupas oleh Ustaz Nik Mahadi Nik Mahmood.

Melalui kursus ini juga, peserta turut mempelajari pelbagai kaedah bekerja secara berkumpulan selain diterapkan kaedah dan cara menangani tekanan dan stress serta pengurusan masa yang betul mengikut kesesuaian tugas dan tanggungjawab yang diberi.

Di akhir kursus, Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehwal Korporat), Dr Wan Zawawi Wan Ismail sempat meluangkan masa untuk memberi amanat dan kata semangat kepada peserta dalam memulakan tugas dengan wawasan dan azam yang tinggi untuk menaikkan nama PKINK di peringkat global.

Dengan adanya kursus ini, diharap dapat memberi kesan kepada cara kerja anggota yang baru sekaligus dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada organisasi masyarakat dan negeri Kelantan.



BATASAN WANITA KELUAR BEKERJA

Oleh A. Ubaidillah bin Alias

Realiti memahami bahawa kehidupan semakin sukar disebabkan kos sara hidup yang makin meningkat. Apabila masalah kewangan menjadi semakin kritikal, ramai wanita memilih untuk mencari pendapatan sendiri tanpa bergantung kepada mana-mana lelaki di sekelilingnya sama ada bapa atau suami. Situasi ini menjadikan wanita sebagai golongan dominan di mana-mana sahaja, mereka paling ramai di institusi pengajian, dalam jabatan kerajaan dan di kebanyakan sektor lain. Maka, jumlah wanita yang ramai ini menjadikan mereka berisiko dan terdedah dengan fitnah.

Lelaki Perlu Awasi Kerja Isteri dan Anak-Anak

Kita tidak menafikan tugas lelaki mencari nafkah kepada wanita. Lelaki atau bapa bertanggungjawab memberi belanja makan-minum buat anak-anak. Namun, mutakhir ini semakin ramai lelaki yang gagal menjalankan tanggungjawab menyara keluarga dengan baik. Ini mungkin disebabkan faktor bebanan ekonomi yang kian bertambah sehingga si lelaki tidak mampu mendapatkan sumber rezeki yang cukup. Atau mungkin juga disebabkan sikap cuai dan khianat lelaki itu sendiri yang sengaja membiarkan isterinya mencari rezeki untuk keluarga. Biarlah apapun sebabnya, si lelaki wajib memantau aktiviti pekerjaan isteri ataupun anak perempuannya jika mereka diizinkan bekerja.

Tidak salah jika lelaki membenarkan isteri atau anak perempuannya bekerja selagi mana mereka tidak terdedah kepada persekitaran yang boleh menimbulkan fitnah dan maksiat. Adalah suatu dosa yang besar bagi seorang lelaki yang membenarkan isteri dan anaknya bekerja di tempat yang memaksa mereka mendedahkan aurat atau terlibat dengan aktiviti yang haram di sisi agama. Justeru, si lelaki sama ada bapa atau suami wajib mengambil tahu apakah pekerjaan wanita dan persekitaran kerja mereka.

Islam Memberi Ruang Wanita Bekerja

Islam tidak melarang untuk perempuan keluar bekerja. Namun Islam ada menyediakan kaedah-kaedah yang perlu dipatuhi oleh perempuan. Demi untuk menjaga golongan perempuan daripada ancaman bahaya atau fitnah, juga untuk memuliakan perempuan kerana kesesuaian dari sudut fizikal dan pelbagai lagi sebab-sebab yang positif. Inilah agama yang sangat menjaga hak kaum wanita.

Antara piawaian yang dikeluarkan oleh ulama ialah:

- 1) Persetujuan wali atau penjaga : Perempuan tidak boleh keluar daripada rumah sama ada untuk tujuan bekerja, belajar atau sebagainya melainkan dengan izin walinya atau suaminya. Jika mereka masih anak dara, maka mereka wajib meminta izin dari bapanya. Jika mereka sudah berkahwin, maka mereka wajib mendapat keizinan dari suaminya. Seandainya mereka bekerja atau keluar rumah tanpa persetujuan wali dan suami, maka mereka akan dianggap derhaka. Melainkan dalam kes suami yang tidak memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak tanpa sebab munasabah. Maka kes sebegini perlu dilihat semula. Jika menyebabkan anak-anak kelaparan dan kebuluran, ketika itu isteri dibenarkan keluar mendapatkan bantuan walaupun tanpa izin suami.
- 2) Uniform kerja yang menutup aurat : Antara sebab-sebab yang membolehkan berlakunya fitnah, apabila perempuan keluar rumah dalam keadaan membuka aurat, bercampur gaul dengan lelaki yang ajnabi, bermekap secara berlebih-lebihan, keluar tanpa ada urusan penting, dan lain-lain. Maka sebab-sebab tersebut amat bahaya kerana ia boleh membawa kepada fitnah. Disebabkan itu, wanita diharamkan memilih kerja yang memaksa dirinya membuka aurat. Seperti bekerja sebagai pramugari atau bekerja di tempat kelab malam atau pelayan restoran.



3) Perempuan yang keluar bekerja tidak boleh mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri atau ibu. Walaupun keluar bekerja, tanggungjawab sebagai isteri atau ibu tetap perlu digalas sebaik mungkin.

4) Perempuan tidak digalakkan untuk melakukan pekerjaan yang luar daripada tabiat dan sifat fizikalnya sebagai seorang perempuan. Ini penting bagi menjaga agama dan kedudukan perempuan. Sebagai contoh bekerja buruh kasar dan mengangkat benda berat. Ataupun bekerja membawa jentera besar seperti mesin jentolak dan lain-lain.

5) Pekerjaan yang dilakukan mestilah pekerjaan yang dibenarkan oleh syarak dan membawa manfaat kepada masyarakat dan agama. Dilarang daripada melakukan pekerjaan yang mengundang kepada maksiat dan keburukan. Seperti bekerja di kedai menjual arak atau bekerja di bank yang mengamalkan sistem riba.

Jika prinsip ini dijaga dan diikuti sebaiknya, pasti pekerjaan yang dilakukan oleh golongan perempuan tidak membawa kepada fitnah, bahkan membawa kepada kebaikan yang menyeluruh kepada umat Islam. Sekaligus wanita tidak akan menjadikan diri mereka sebagai bahan seksual yang mudah dieksploitasi oleh lelaki durjana di luar sana.

Bekerja Di Rumah Adalah Yang Paling Baik

Jika wanita tersebut berada dalam keluarga yang kaya dan punya kewangan yang baik, malah dia tidak mempunyai sebarang desakan untuk keluar bekerja. Adalah lebih baik wanita tersebut menjadi suri rumah sepenuh masa atau bekerja secara bebas dengan menjadikan rumah sebagai pejabatnya. Itu adalah yang paling baik dan selamat.



Malah kita melihat sudah semakin ramai wanita yang membuat perniagaan secara atas talian dan menjadikan rumah sebagai pusat modus operandi. Mereka menjahit, memasak, menyiapkan barangan di rumah dan memasarkannya secara atas talian. Ini adalah satu kerja yang paling selamat dan bagus untuk wanita. Namun, saya akui bahawa kebanyakan wanita lebih memilih untuk bekerja makan gaji kerana hal itu lebih menjamin masa depannya berbanding bekerja sendiri di rumah.

Sebagai kesimpulan, apa sahaja kerja yang baik akan membawa kebaikan jika ianya dibuat secara patuh syariah. Setiap individu sama ada lelaki dan wanita wajib melihat persekitaran kerja mereka agar tidak terdedah kepada unsur maksiat. Dengan itu, mereka boleh bekerja dengan fokus dan tanpa gangguan lain.



حکوم مڄوٽيف بارغ کچيچيرن

اڦاببلا کيت منموءي سسواتو بارغ کچيچيرن، تر داقت ببراڦ حکوم برکاءيتن انتاراڻ :

(1) جک بارغ يڄ دتموي ايت اداله بارغ يڄ داغڳف ريميه اوليه مشارکت ستمقت سڦرتي سکڦيغ روتي، سڦوتوڄ چوکلٽ، سيهيلي کرتس دان لاین-لاين. مک حکومش اداله هاروس مڄوٽوناکن دان مڄمبيل فاءيده ترماسوق ممانکن. اي اداله کریغنان يڄ دبريکن رسول الله صلی الله عليه وسلم سکيراڻ اندا قستي سياڦا ڦميليکن، واجب برهوبوڄ دان ممينتا ايڏين تر لبیه دهولو. لبیه-لبیه لاڳي دغن ادان کموداهن سيستم ڦسانن ريغکس (ايس عيم ايس) سکارغ.

(2) جک بارغ يڄ دتموي ايت اداله بندا بسر دان برهراڳ سڦرتي کريتا اتاو حيوان يڄ ممڦو هيڊوڦ سنڊيري. حرام مڄمبيلش. هندقله اي دتيغڳکن اتاو دلاڦورکن کڦد ڦيهق برکواس. اين کران توانش داقت منچاري بندا يڄ هيلغ برکنان. عمر ڦر نه برکات: ”بارغ سياڦا يڄ مڄمبيل حيوان يڄ سست سسوڄو هڻ دي برساله.“

(3) سکيراڻ نيلاي بندا يڄ دجومڦاي اداله ڦرتغهن انتارا کدوا-دوا د اتس سڦرتي ايکن، ايم دان بارغ يڄ موده روسق. بارغن ايت ڦرلو دنياي دان بوليه مڄوٽوناکن سباڳاي هوتغ يڄ ڦرلو دبائر اڦاببلا توانش سوده دتموي، اتاو منجوال دان مپيمڦن حاصيل جوالن اونتوق دسراهکن کڦد توانش اڦاببلا دتموي. سکيراڻ بارغن ايت تيدق موده روسق سڦرتي جم دان کلغ، اي هندقله دهيهيکن دتمقت اورغ راماي سڦرتي مسجد دان ڦوست مشارکت. سلڦس ستاهون، اي بوليه دميليکي اتاو دجوال دغن حاصيلش د کيرا سباڳاي سيمڦن. تتاڦي اي تتڦ حق ميليک اورغ لاین دان ڦرلو دڦولڳکن اڦاببلا اد توان يڄ منونتوت دان تر بوڦتي ڦميليکن سلڦس سياستن.